



Melaka catu bekalan air jika kemarau berterusan 50 hari

MELAKA - Kerajaan negeri Melaka akan melaksanakan catuan air sekiranya kemarau berterusan dan hujan masih tidak turun dalam tempoh 50 hari akan datang.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron memberitahu, paras air di Empangan Durian Tunggal berada pada tahap berjaga-jaga manakala paras air di Empangan Asahan dan Jus masih memuaskan.

“Buat masa ini paras air di Empangan Durian Tunggal yang ada ialah sebanyak 50 peratus, Asahan (80 peratus) dan Jus (70 peratus).

“Jika paras air turun di bawah 40 peratus, kita mungkin perlu membuat catuan namun kita jangkakan bekalan (air) di Melaka masih mampu bertahan untuk sekurang-kurangnya 50 hari lagi walaupun jika tiada hujan,” katanya

di sini semalam.

Beliau berkata, sebanyak 909.2 juta liter air dipam dari Empangan Jus di Jasin ke Empangan Durian Tunggal manakala 454.6 juta liter air dari empangan sama ke Empangan Asahan.

“Bekalan air ini dipindahkan menggunakan pam pada peringkat satu kilometer pertama sebelum ia dialirkan secara gravitasi,” katanya.

PARAS air di Empangan Durian Tunggal berada pada tahap berjaga-jaga dan kerajaan negeri Melaka akan melaksanakan catuan jika kemarau berpanjangan selama 50 hari.